



Prof Dr Mazliham (dua dari kiri) menjulang Anugerah Superbrands pada Majlis UniKLRaya 2018 dan Penutup USSC Ke-14. di UniKL MIAT Sepang.



Prof Dr Mazliham bergambar bersama-sama juara bola jaring pada majlis UniKLRaya 2018 dan Penutup USSC Ke-14.

Program sukan lahir pelajar holistik

Oleh **Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak**
meor.ahmad@bh.com.my

Dengkil

Aktiviti sukan bukan sahaja dapat mendedahkan pelajar dengan gaya hidup sihat, malah menjadi platform terbaik bagi melahirkan pelajar yang seimbang akademik dan kokurikulum.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Prof Datuk Dr Mazliham Mohd Su'ud,

berkata mahasiswa harus didedahkan kepada nilai positif dan kemahiran seperti sukan yang mereka tidak dapat ketika di dalam kelas.

Beliau berkata, perkara itu dapat dilihat menerusi penyertaan dalam sukan yang akan menjadikan mereka lebih sihat, bertenaga, tubuh yang aktif, sekali gus akan membantu menjadi lebih fokus dan berdisiplin dalam pembelajaran.

"Atlet yang menyertai Karnival Sukan Siswa UniKL (USSC) Ke-14 kali ini menunjukkan komitmen tinggi walaupun pelajar lain kini

sedang bercuti.

"Kebolehan yang pelajar peroleh dalam bidang sukan amat istimewa dan saya berharap atlet dapat mengekalkan prestasi ini.

Reputasi jenama

"Selain itu, pelajar terbabit dapat mengembangkan bakat dalam sukan sehingga membawa kepada kedudukan yang lebih tinggi atau membuka peluang baharu dalam kehidupan pada masa akan datang," katanya ketika berucap pada Majlis UniKLRaya 2018 dan Penutup USSC yang

ke-14, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dan Timbalan Presiden UniKL, Prof Datuk Dr Khairanum Subari.

Pada majlis berkenaan, Institut Teknologi Penerbangan Malaysia UniKL (UniKL MIAT), dinobatkan sebagai juara keseluruhan selepas memenangi lapan pingat emas, lima perak dan satu gangsa.

Naib johan dimenangi Institut Teknologi Informasi UniKL (UniKL MIIT) dengan membawa pulang empat pingat emas, tiga perak dan

satu gangsa, manakala Institut British Malaysia (UniKL BMI) pula empat pingat emas, dua perak dan enam gangsa.

Seramai 1,363 atlet masing-masing 920 lelaki dan 443 wanita menyertai 13 acara sukan yang dipertandingkan.

Majlis itu turut menyaksikan UniKL menerima Superbrands Award berdasarkan kepada reputasi jenama, pemasaran yang bijak dan agresif dalam menyampaikan maklumat kepada penuntut dan bakal penuntut UniKL.

info

Sukan yang dipertandingkan pada USSC 2018

→ **Bola sepak**, bola tampar, bola jaring, badminton, ping pong, bola keranjang, futsal, tenis, ragbi, petanque, sepak takraw, catur dan boling